

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**
 : **[AYER HITAM]**
TARIKH : **22 OKTOBER 2019**

SOALAN NO. 34

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini dan jadual pelaksanaan projek kereta nasional ketiga yang dianugerahkan kepada DreamEDGE Sdn Bhd, adakah ianya akan melibatkan dana rakyat secara langsung atau tidak langsung dan adakah duti import kereta terpakai dari luar negara akan ditingkatkan bagi melindungi projek kereta nasional.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 9 Ogos 2019 yang lalu, Kerajaan melalui Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), YB Datuk Darell Leiking telah mengumumkan bahawa pihak DreamEDGE telah dilantik sebagai syarikat pengendali atau “anchor company” yang akan bertanggungjawab ke atas Projek Kereta Nasional Baharu.

DreamEDGE adalah syarikat yang terlibat dalam bidang teknologi dan inovasi yang pakar di dalam bidang konsultansi dan perkhidmatan kejuruteraan digital yang telah ditubuhkan pada tahun 2007. DreamEDGE

NO SOALAN : 34

merupakan sebuah syarikat yang serba boleh, dan berpengalaman luas dalam pelbagai portfolio perkhidmatan - dari aplikasi CAD/CAE, analisis digital, serta simulasi khusus di dalam bidang automotif, elektronik, sehinggalah kepada instrumen dalam bidang perubatan.

Malah, DreamEDGE turut memiliki pengalaman yang meluas di dalam bidang automotif apabila pernah dilantik oleh pengeluar automotif OEM Tier 1 Jepun untuk pembangunan 3D, dan juga pembangunan model tempatan yang dikhususkan untuk pasaran Eropah

DreamEDGE dijangka akan dapat mengeluarkan prototaip pertama kereta nasional baharu pada awal Mac tahun depan, disusuli pelancaran model pertama setahun kemudian.

Seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sebelum ini, Projek Kereta Nasional Baharu adalah inisiatif dari pihak swasta dan akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta. Tiada penglibatan dana rakyat dirancang untuk projek ini dan adalah juga dimaklumkan pihak DreamEDGE sedang meneliti cadangan-cadangan pelaburan dari pihak swasta dan pelaburan persendirian.

Tuan Yang di-Pertua,

Duti impot kereta adalah termaktub dalam Dasar Automotif Nasional (NAP) baharu yang disemak semula dan dijangka akan diumumkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada tahun ini.

Dasar Automotif Nasional yang akan diperkenalkan adalah satu dasar yang holistik yang merangkumi pembangunan industri automotif yang komprehensif seperti pembangunan rangkaian bekalan, modal insan dan pasaran. NAP baharu ini bakal memperkenalkan beberapa langkah untuk meningkatkan daya saing industri melalui trend teknologi masa depan.

Sekian, terima kasih.